

NOTA RUJUKAN ULUM QURAN

DISUSUN OLEH:

Ust. Suhaida binti Che Samsudin
Us. Muhammad Khaled bin Abdullah
Ust. Fathin Nadhirah binti Saadon

ISI KANDUNGAN

Topik 1: Pengenalan Terhadap Al-Quran

- Takrif Al-Quran
- Nama-Nama Kitab Suci Umat Islam
- Sifat-Sifat Al-Quran
- Perbezaan antara Al-Quran, Hadith Qudsi dan Hadith Nabawi

Topik 2: Nuzul Al- Quran

- Pengertian Nuzul Al-Quran
- Cara Nuzul Al-Quran
 - o Penurunan Al-Quran secara sekaligus
 - o Penurunan Al-Quran secara beransur-ansur
- Hikmah Penurunan Al-Quran secara sekaligus
- Hikmah Penurunan Al-Quran secara beransur ansur

Topik 3: Pengumpulan Al-Quran

- Maksud Pengumpulan Al-Quran
- Pengumpulan Al-Quran pada zaman Nabi Muhammad SAW
- Pengumpulan Al-Quran pada zaman Khalifah Abu Bakar
- Pengumpulan Al-Quran pada zaman Khalifah Uthman
- Susunan Ayat dan Surah dalam Al-Quran

Topik 4: Penulisan Al-Quran Rasm Uthmani

- Kaedah Penulisan Rasm Uthmani
- Hukum Menulis Al-Quran dengan Rasm Uthmani
- Penulisan baris bagi Huruf-Huruf Al-Quran
- Penulisan titik bagi Huruf-Huruf Al-Quran

Topik 1: Pengenalan Terhadap Al-Quran

1. Takrif Al-Quran

Dari sudut Bahasa:

- Al-Lahayani: seorang ahli bahasa berpendapat bahawa lafaz al-Quran diambil dari perkataan "أ" yang ertinya membaca, menurut Al-Lahayani, al-Quran adalah kata dasar (masdar) dengan makna ismi maful iaitu "المقروء" ertinya: yang dibaca.
- Dr. Subhi As-Salih pula mengemukakan pendapat bahawa pendapat yang paling tepat ialah lafaz Al-Quran itu kata dasar (masdar) dan pengertiannya sama dengan lafaz قراءة seperti yang terdapat di dalam firman Allah SWT:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al- Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu), oleh itu apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu) dengan perantaraan Jibril, maka bacalah menurut bacaannya itu."

(Surah al-Qiyamah, ayat 17-18)

Dari sudut Istilah:

Untuk membezakan al-Quran daripada yang lain, ulama' telah mentakrifkannya seperti berikut:

محمد صلى الله عليه وسلم المكتوب في كلام الله المعجز المنزل على محمد بالتواتر، المتعبد بتلاوته. المصحف المنقول

Maksudnya: "Kalam Allah yang bersifat mu'jizat (sebagai bukti kebenaran Nabi Muhammad) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang tertulis di dalam mazhab-mazhab yang diriwayatkan dengan jalan mutawatir dan membaca merupakan satu ibadah."

Apabila disebut dalam takrif perkataan "kalam Allah yang bersifat mu'jizat ertinya, tidak termasuk kalam-kalam yang lain seperti kalam manusia, jin dan malaikat.

Apabila disebut dalam takrif "yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ertinya tidak termasuk kitab-kitab yang diturunkan kepada Nabi-Nabi sebelumnya seperti Taurat, Injil dan lain-lain lagi."

Yang diriwayatkan dengan jalan mutawatir dan merupakan satu ibadah, dan tidak termasuk أحاد dan hadith qudsi selain daripada takrif tersebut banyak lagi takrif mengenai al-Quran, tetapi takrif yang dikemukakan adalah memadai kerana ianya mengandungi beberapa keistimewaan yang ada pada kitab suci ini.

2. Nama-nama Kitab Suci Umat Islam

a. Pertama: Al-Quran

Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...”

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

b. Kedua: Al-Kitab

Firman Allah SWT:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيِينًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِّلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu menjadi petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang-orang Islam.”

(Surah al-Nahl, ayat 89)

c. Ketiga: Az-Zakir

Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

(Surah al-Hijr, ayat 9)

d. Keempat: Al-Furqan

Firman Allah SWT:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

Maksudnya: "Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqaan kepada hamba- Nya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam ”.

(Surah al-Furqan, ayat 1)

e. Kelima: Al-Tanzil

Firman Allah SWT:

وَأَنزَلْنَاكَ لِتُنزِلَ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

Maksudnya: "Dan dia itu adalah Tanzil (kitab yang diturunkan) dari Tuhan semesta alam."

(Surah al-Syu'araa, ayat 192)

3. Sifat-sifat Al-Quran

Sifat-sifat bagi al-Quran adalah:

Nur	Mau'izah	Syifa'	Huda	Rahmah	Mubin
Al-Mubarak	Busyra	'Aziz	Majid	Basyir	

4. Perbezaan antara al-Quran, Hadith Qudsi dan Hadith Nabawi

Al-Quran	Hadith Qudsi	Hadith Nabawi
Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan.	Bukan Mukjizat.	Bukan Mukjizat.
Dikira sebagai ibadat apabila membacanya dan mendapat ganjaran khusus (satu huruf diganjar sepuluh pahala).	Pahala membaca hadis secara umum sahaja.	Pahala membaca hadis secara umum sahaja.
Boleh dibaca di dalam solat.	Tidak disuruh membaca dalam solat	Tidak disuruh membaca dalam solat
Jalan penyampaian al-Quran adalah mutawatir yang bersifat pasti dan ilmu yang meyakinkan. (قطع الثبت)	Jalan penyampaian bukanlah mutawatir semata-mata kerana disampaikan juga melalui khabar <i>Ahad</i> Sehingga kepastiannya masih ada keraguan (ظن الثبت).	Jalan penyampaian bukanlah mutawatir semata-mata kerana disampaikan juga melalui khabar <i>Ahad</i> Sehingga kepastiannya masih ada keraguan (ظن الثبت).
Dinisbahkan kepada Allah semata-mata.	Lafaz daripada Nabi, Makna daripada Allah.	Lafaz dan makna daripada Nabi.

Topik 2: Nuzul Al- Quran

1. Pengertian Nuzul Al-Quran

Dari sudut Bahasa: *Nuzul* atau penurunan wahyu menurut bahasa ialah turun dari tempat yang tinggi. Ini sebenarnya hanya sebagai *majaz* dan simbolik sahaja untuk menunjukkan ketinggian al-Quran dan kemuliaannya.

Penurunan al-Quran mengikut pengertian istilah ialah: Penurunan dari Luh Mahfuz ke Baitul 'Izzah di langit dunia dan dari langit dunia kepada Nabi Muhammad SAW. melalui perantaraan Malaikat Jibril yang mengambil masa lebih kurang 23 tahun.

2. Cara Nuzul Al-Quran

Cara penurunan al-Quran itu sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu:

- i. *Nuzul Jumlatan* (جملة) atau sekali gus.
- ii. *Nuzul Munajjaman* (منجما) atau beransur-ansur.

i. Penurunan Sekali Gus (جملة)

Perbincangan yang menyentuh tentang penurunan al-Quran secara sekali gus ini dapat dibahagikan pula kepada dua tahap:

- a. Turun al-Quran Ke Luh Mahfuz
- b. Turun dari Luh Mahfuz ke Baitul 'Izzah di langit dunia.

Tahap Pertama: Daripada Allah ke Luh Mahfuz.

Keadaan dan tahap ini berlaku sekaligus dengan tujuan untuk membuktikan kekuasaan Allah dan semua perkara yang Allah lakukan mempunyai perancangan dan peraturan yang cukup rapi.

a. Firman Allah SWT:

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ ۖ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah al-Quran yang tertinggi kemuliaannya; (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Lauh Mahfuz”.

(Surah al-Buruj, ayat 21 - 22)

Hikmah Penurunan Al-Quran Di Luh Mahfuz

Turunnya al-Quran di Luh Mafhuz ada hikmahnya, antaranya:

- a. Untuk membezakan al-Quran dengan kitab Samawi lain, seperti Taurat, Zabur dan Injil yang diturunkan sekali gus kepada rasul-Nya. Dimana al-Quran diturunkan mulanya sekali gus dalam bentuk kitab yang lengkap, kemudian diturunkan pula secara beransur-ansur.
- b. Untuk menunjukkan dan membuktikan keunggulan dan ketinggian al-Quran dan martabat Nabi Muhammad.
- c. Untuk menjadikan langit dan di sebalik tentang kedudukan Luh Mahfuz itu sendiri dan Maha Berkuasa serta Maha Mengetahui Allah. Selain itu, untuk meletakkan al-Quran sebanding dan sesuai dengan ketinggiannya.

Tahap Kedua: Turun al-Quran dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di langit dunia.

Hal tersebut berdasarkan firman Allah SWT:

a. Firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al- Quran) pada malam kemuliaan*”.

(Surah al-Qadr, ayat 1)

Hikmah Penurunan Al-Quran Dari Luh Mahfuz Ke Baitul 'Izzah

Penurunan al-Quran sekali gus dari Luh Mahfuz ke Baitul 'Izzah di Langit Dunia dengan mempunyai hikmat tertentu juga, antaranya ialah:

- a. Untuk membezakan al-Quran dengan kitab Samawi yang lain, seperti Taurat, Zabur dan Injil yang diturunkan sekali gus kepada rasul-Nya.
- b. Untuk menunjukkan dan membuktikan keunggulan dan ketinggian al-Quran dan Nabi Muhammad.
- c. Untuk menjadikan langit dan sebalik tentang kedudukan Luh Mahfuz itu sendiri dan Maha Berkuasa serta Maha Mengetahui Allah.

ii. Penurunan Beransur-Ansur (منجما)

Penurunan al-Quran secara beransur-ansur bermaksud al-Quran diturunkan dari langit dunia ke bumi secara beransur-ansur selama 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah.

a. Firman Allah SWT:

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكُتٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: *"Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacaknya kepada manusia dengan lambat tenang; dan Kami menurunkannya beransur-ansur".*

(Surah al-Isra', ayat 106)

Hikmah Penurunan Al-Quran Beransur-Ansur

Penurunan wahyu secara berperingkat-peringkat mempunyai hikmat tertentu, antaranya ialah:

- a. Untuk memudahkan Nabi menghafal dan memahami maksud serta kandungannya supaya mudah meresap ke dalam jiwa dan tetap hati Baginda.
- b. Supaya Nabi sentiasa bergembira serta terhibur dan merasa hampir dengan Allah lantaran wahyu yang sentiasa turun kepada Baginda.
- c. Memberi kemudahan serta memudahkan Nabi menyampaikan wahyu tersebut kepada umatnya kerana sebahagian besar bangsa Arab waktu itu tidak pandai membaca dan menulis, termasuk Nabi sendiri.

Topik 3: Pengumpulan Al-Quran

1. Maksud Pengumpulan Al-Quran

Al-Quran dikumpul melalui dua cara:

- a. **Pertama:** Pengumpulan dalam dada dengan cara menghafaznya dan melahirkannya. Firman Allah SWT:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu)."

(Surah al Qiyamah, ayat 17)

- b. **Kedua:** Pengumpulan melalui penulisan.

Pada masa Rasulullah SAW al-Quran ditulis atau diukir di batu, tulang, pelepah kurma, dan lain-lain lagi kerana pada masa itu tidak ada kemudahan alat-alat tulis seperti sekarang.

2. Pengumpulan Al-Quran pada zaman Nabi Muhammad SAW

Pengumpulan al-Quran pada zaman Nabi Muhammad SAW bermaksud pengumpulan secara hafalan dan penulisan.

a. Pengumpulan al-Quran melalui cara hafalan

- i. Rasulullah sangat berhati-hati ketika menerima ayata-ayat al-Quran yang disampaikan melalui Jibril kemudian baginda bersungguh-sungguh menghafalnya.
- ii. Rasulullah sentiasa membaca al-Quran sepanjang masa samada semasa bermusafir atau bermukim, susah atau senang, malam dan siang.
- iii. Terdapat beberapa dorongan dan sebab-sebab yang membantu Rasulullah SAW untuk menghafaz al-Quran dengan sempurna antaranya seperti berikut:
 1. Kuatnya kecintaan Rasulullah SAW terhadap al-Quran.
 2. Penerimaan daripada Jibril AS dan penurunan al-Quran yang berterusan kepadanya menambahkan lagi ketenteraman jiwanya dan menjadikan hatinya terikat dengan al-Quran.
 3. Suruhan Baginda supaya sahabat-sahabatnya mencatat ayat al-Quran setiap kali ayat-ayat diturunkan kepadanya.
 4. Baginda seringkali merujuk kepada al-Quran dan memerhati pengertian-pengertiannya.
 5. Jibril AS membaca al-Quran kepada Rasulullah SAW sekali dalam setahun pada bulan Ramadhan dan dua kali setahun pada tahun yang terakhir bagi hayat Baginda.

6. Baginda selalu membaca al-Quran dalam solat-solat fardhu, solat-solat sunat dan lain-lain lagi.
- iv. Para sahabat juga amat mengambil berat terhadap al-Quran dengan menghafal dan mengajar kepada keluarga mereka. Antara kalangan sahabat yang menghafal al-Quran ialah: Khulafa' al-Rasyidin, Muaz bin Jabal, Talhah, Ibn Mas'ud, Huzaifah, Ibn Umar, Abu al-Darda', Aisyah, Ibn Abbas, Hafsah, Ummu Salamah, Zaid bin Thabit, Ubai bin Ka'ab, Muawiyah dan lainnya.

b. Pengumpulan al-Quran melalui cara penulisan

- i. Nabi menyuruh sahabat menulis al-Quran sebaik sahaja Baginda menerima wahyu. Antara kalangan penulis wahyu ialah Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Muawiyah, Khalid bin al-Walid, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit dan Thabit bin Qais.
- ii. Antara kaedah penulisan ialah dengan menggunakan seperti pelepah tamar, ketul-ketul batu, tulang-tulang unta dan biri-biri yang telah kering, keping-keping kayu dan kulit-kulit.
- iii. Arahan dan panduan daripada nabi ini termasuklah arahan penyusunan ayat-ayat dan surah-surah supaya diletakkan masing-masing pada tempat yang tepat.
- iv. Antara hadith-hadith yang menunjukkan bahawa al-Quran telah ditulis dengan penyeliaan Rasulullah SAW ialah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Said al-Qhadari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"لَا تَكْتُبُوا عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُهُ"

Yang bermaksud: *"Janganlah kamu menulis daripada aku selain daripada al-Quran, barang siapa yang menulis selain daripada al-Quran hendaklah ia memadamkannya."*

- v. Ciri-ciri pengumpulan al-Quran pada zaman Nabi:
 - a. Al-Quran ditulis dalam *Ahraf Sab'ah* (tujuh huruf).
 - b. Masih lagi terdapat ayat-ayat al-Quran yang dinasakhkan dari sudut bacaan.
 - c. Al-Quran masih lagi ditulis secara terpisah-pisah yang mana terdapat pada setiap para penulis wahyu bukannya dihindungkan dalam mushaf yang satu.
 - d. Ayat-ayat al-Quran telah tersusun mengikut tertib ayat dengan panduan dan seliaan daripada Nabi.

3. Pengumpulan Al-Quran pada zaman Khalifah Abu Bakar

Sebab-sebab pengumpulan al-Quran ialah:

- i. Kematian para huffaz dan Qurra' yang gugur syahid dalam peperangan seperti peperangan al-Yamamah yang menyebabkan kematian kira-kira 70 orang huffaz.
- ii. Kebimbangan Saidina Umar di atas kematian para huffaz yang ramai akan menyebabkan kehilangan al-Quran yang dihafal di dada mereka.

Kaedah pengumpulan al-Quran

- i. Pada mulanya Abu Bakar enggan melaksanakan cadangan Umar, kerana beliau merasakan cukup berat untuk melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah semasa hidup Baginda.
- ii. Apabila khalifah Abu Bakar dapat melihat kebaikan cadangan Umar tersebut, lalu beliau mengarahkan Zaid bin Thabit melaksanakan tugas itu.
- iii. Berikut adalah kaedah pengumpulan al-Quran yang dilakukan oleh Zaid bin Thabit:
 - a. Hafazan para sahabat.
 - Walaupun beliau seorang penghafal al-Quran, beliau tetap mengumpulkan al-Quran daripada para panghafal al-Quran yang lain.
 - b. Penulisan yang ditulis di sisi Rasulullah SAW.
 - Al-Quran tersebut telah ditulis di hadapan Rasulullah SAW dan ia telah disahkan di dalam peristiwa pembentangan terakhir al-Quran bersama Jibril pada hujung hayat Rasulullah SAW.
 - Zaid tidak menerima sesuatu yang ditulis kecuali apabila disaksikan oleh dua orang saksi yang adil bahawa tulisan-tulisan itu memangnya ditulis di sisi Rasulullah SAW.
- iv. Antara sebab Saidina Abu Bakar RA memilih Zaid bin Thabit untuk menjalankan suatu tugas ini ialah:
 - a. Beliau merupakan penghafal al-Quran, penulis wahyu Rasulullah SAW serta menyaksikan pembentangan terakhir al-Quran bersama Jibril pada hujung hayat Rasulullah SAW.
 - b. Dari sudut keperibadian beliau terkenal seorang yang sangat warak, jujur, kuat agama dan sangat pintar.
- v. Berikut adalah ciri-ciri pengumpulan al-Quran:

- a. Tidak memasukkan ayat-ayat yang dimansuhkan dari sudut bacaan.
- b. Ayat-ayat yang dikumpulkan dalam mushaf tersebut telah dipastikan diambil dari sumber yang asli yang ditulis di hadapan Nabi bukan semata-mata daripada hafalan.
- c. Pengumpulan ini adalah mengikut susunan ayat dan surah.
- d. Al-Quran telah dikumpulkan di dalam mushaf yang satu.
- e. Penamaan al-Quran dengan “mushaf” bermula pada zaman khalifah Abu Bakar yang mana beliau adalah orang pertama yang mengumpulkan kitab Allah secara rasmi.
- f. Al-Quran masih dikumpulkan dalam *ahraf al-Sab'ah* (Tujuh Huruf).

4. Pengumpulan Al-Quran pada zaman Khalifah Uthman

i. Sebab-sebab pengumpulan al-Quran

- Islam telah berkembang luas hingga ke pelbagai daerah seperti Syam, Kufah, Iraq sehingga umat Islam membaca dan mempelajari al-Quran dengan pelbagai kaedah yang diterima daripada sahabat yang terkenal di daerah-daerah tersebut.
- Antara faktor utama lahirnya perbezaan bentuk-bentuk bacaan itu adalah dengan berdasarkan perbezaan huruf-huruf yang mana di atasnya al-Quran diturunkan.
- Perselisihan ini menjadi semakin memuncak dan menimbulkan masalah kerana tidak adanya penyelarasan dalam bacaan al-Quran.
- Huzaifah al-Yaman seorang sahabat yang berada di wilayah Sham dan Iraq pada saat itu, menyarankan kepada Khalifah Uthman untuk melakukan al-Quran kembali.
- Khalifah Uthman membentuk sebuah jawatankuasa penulisan al-Quran yang terdiri daripada empat orang sahabat, yang diketuai oleh Zaid bin Thabit, mereka yang tiga lagi ialah Abdullah bin al-Zubir, Said bin al-'As dan Abdul Rahman bin Haris bin Hisham. Daripada keempat anggota jawatankuasa tersebut, Zaid bin Thabit sahaja daripada kalangan Ansar dan mereka yang lain adalah kaum Quraisy.
- Saidina Uthman berpesan kepada mereka bahawa dua perkara yang perlu diambil kira semasa menjalankan tugas iaitu:
 - 1) Mengambil keputusan dalam penulisan al-Quran berdasarkan bacaan para huffaz.
 - 2) Jika terdapat perbezaan dalam bacaan al-Quran maka mesti ditulis mengikut dialek suku Quraisy.

- Al-Quran yang telah ditulis ada enam *Mushaf* (naskah) mengikut pendapat yang masyhur serta dihantar ke bandar-bandar utama untuk dijadikan pedoman.

BIL	NAMA MUSHAF	TEMPAT	DIKETUAI OLEH
1	Mushaf Makki (مكي مصحف)	Mekah	Abdullah bin al-Saib
2	Mushaf Bashri (بصري مصحف)	Basrah	'Amir bin Qais
3	Mushhaf Kufi (كوفي مصحف)	Kufah	Abu Abdul Rahman al-Salma
4	Mushaf Syami (شامي مصحف).	Syam	al-Mughirah bin Syihab
5	Mushaf Madani (مدني مصحف)	Madinah	Zaid bin Thabit
6	Mushaf Imam (إمام مصحف)	Disimpan untuk dirinya	Khalifah Uthman

ii. **Perbezaan pengumpulan al-Quran pada zaman Khalifah Uthman dan Khalifah Abu Bakar**

BIL	ZAMAN KHALIFAH ABU BAKAR	ZAMAN KHALIFAH UTHMAN
1	Khuatir akan hilang sesuatu ayat al-Quran dengan sebab kematian para huffaz	Disebabkan oleh banyak perbezaan dalam aspek bacaan.
2	Tidak mewajibkan umat Islam untuk berpegang pada mushaf al-Quran yang ditulisnya	Mewajibkan umat Islam berpegang dengan mushaf yang telah dikumpul yang diberi nama <i>mushaf Uthmani</i>
3	Hanya dikumpulkan menjadi satu <i>suhuf</i>	Dikumpulkan, disalin dan dikirim ke wilayah-wilayah Islam yang lain.
4		Menetapkan satu kaedah penulisan yang standard yang boleh dibaca oleh semua wajah Qiraat melalui lima atau enam mushaf yang disalin daripada <i>suhuf</i> Abu Bakar

5. Susunan Ayat dan Surah dalam Al-Quran

Tertib Ayat

1. Ijma' ulama dan nas menegaskan bahawa tertib dan susunan ayat-ayat al-Quran adalah melalui ketentuan atau taufiqi daripada Baginda Rasulullah.

2. Berikut adalah dalil-dalil yang menunjukkan penentuan susunan ayat-ayat al-Quran:

- Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad daripada Usman bin Abu al-'As, berkata:

كُنْتُ جَالِسًا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ شَخَصَ بَصَرَهُ ثُمَّ صَوَّبَهُ ثُمَّ قَالَ : أَتَانِي جِبْرِيلُ فَأَمَرَنِي أَنْ أَضَعَ هَذِهِ الْآيَةَ هَذَا الْمَوْضِعَ مِنَ السُّورَةِ : { إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى }

Maksudnya: “*Satu ketika sedang aku duduk bersama Rasulullah, tiba-tiba pandangan Baginda menjadi tajam, kemudian selepas itu seperti biasa. Kemudiannya Baginda bersabda: Malaikat Jibril telah datang menemuiku dan memerintahkan supaya aku meletakkan ayat ini di tempat sekian daripada surah itu. Iaitu firman Allah: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat. Surah al-Nahl ayat 90*”.

- Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ibn al-Zubir di mana beliau berkata kepada Uthman bin Affan:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا نَسَخْنَاهَا الْآيَةَ الْآخَرَى فَلَمْ يَكْتُبْهَا أَوْ تَدْعُهَا (وَالْمَعْنَى لِمَاذَا تَكْتُبُهَا ؟ أَوْ قَالَ : لِمَاذَا تَكْتُبُهَا مَكْتُوبَةً ؟ مَعَ أَهْلِ مَنْسُوخَةٍ قَالَ : يَا ابْنَ أَخِي لَا أُغَيِّرُ شَيْئًا مِنْ مَكَانِهِ .

Maksudnya: “*Bahawa ayat al-Qur'an Surah al-Baqarah ayat 234, yang bermaksud: Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu ... telah dimansuhkan oleh ayat lain. Namun begitu kenapa anda tuliskan atau anda biarkan itu? Uthman menjawab: Wahai anak saudaraku! Aku tidak mengubah sedikit pun daripada tempatnya*”.

3. Penyusunan ayat juga dapat diketahui melalui bacaan Rasulullah SAW dalam solat di mana terdapat di dalam hadis-hadis yang sahih menyatakan bahawa Rasulullah telah membaca sejumlah ayat tertentu secara tertib ayatnya ketika sembahyang subuh Contohnya Surah al-Baqarah dan al-Nisa'.

Berdasarkan dalil-dalil yang tersebut dapat diketahui bahawa tertib ayat itu adalah bersifat *taufiqi* dan tiada siapa yang mampu mengubah atau menentukannya selain daripada Rasulullah SAW melalui pertunjuk daripada Jibril atas perintah Allah.

Jumlah Ayat dalam al-Quran:

- Jumhur ulama' mengatakan jumlah ayat-ayat al-Quran ialah melebihi 6200 ayat dan ulama' berselisih pendapat mengenai jumlah ayat yang tepat iaitu sebagaimana berikut:
 1. Ulama' Madinah: 6217 ayat
 2. Ulama' Mekah: 6220 ayat
 3. Ulama' Basrah: 6205 ayat
 4. Ulama' Kufah: 6236 ayat
 5. Ulama' Syiria: 6226 ayat
- Faktor ini terjadi kerana disebabkan oleh berlakunya perbezaan pendapat antara ulama' *al-Adad* dalam menentukan sesuatu ayat berdasarkan bacaan Rasulullah samada *waqaf* atau *wasal* pada sesuatu ayat.

Tertib Surah

1. Menurut jumhur ulama, jumlah surah al-Quran ialah 114 di mana ada surah yang panjang dan ada surah yang pendek.
2. Maksud surah ialah sejumlah ataupun sekumpulan ayat-ayat al-Quran yang terbentuk secara tersendiri dengan mempunyai permulaan dan pengakhiran.
3. Para ulama' berbeza pandangan mengenai tertib penyusunan surah di dalam al-Quran. Pendapat yang terpilih dan lebih tepat ialah pendapat daripada Abu Ja'afar al-Nahhas dan Abu Bakar al-Anbari, mereka berkata: Bahawa tertib surah dalam al-Quran adalah melalui penetapan dan taufiqi daripada Rasulullah sama seperti tertib ayat.
4. Pembahagian surah-surah di dalam al-Quran terbahagi kepada empat iaitu:

<i>Al-Thiwal</i> (الطوال)	<i>Al-Mi'un</i> (المئون)	<i>Al-Matsani</i> (المثاني)	<i>Al-Mufassal</i> (المفصل)
• Al-Baqarah • Ali Imran • An-Nisaa' • Al-Maa'idah • Al-An'am • Al-A'raf • Al-Anfal dan Bara'ah (kerana tidak dipisahkan)	• Surah Yunus • Surah Hud • Surah Yusuf • Surah Al-Isra' • Surah Al-Kahf • Surah Toha • Surah Al-Anbiya' • Surah Al-Qasas	Surah-surah yang jumlah ayatnya di bawah <i>al-mi'un</i> , Dinamakan <i>al-matsani</i> , kerana surah-surah itu diulang-ulang bacaannya lebih banyak dari <i>al-Thiwal</i> dan <i>al-mi'un</i> .	Ianya dinamakan sebagai <i>Al-Mufassal</i> kerana banyaknya <i>Al-Fasl</i> iaitu penutup atau pemisah ayat di antara Surah dengan Basmalah. Contoh surah-surah yang terdapat di dalam

dengan basmalah antara keduanya)	• Surah Al-Hajj		juzuk ‘ <i>Amma</i> (juzuk ke-30).
--	---	--	---------------------------------------

Topik 4: Penulisan Al-Quran Rasm Uthmani

1. Kaedah Penulisan Rasm Uthmani

- Sebagaimana yang diterangkan bahawa kaedah asal dalam tulisan ialah perlu ada persamaan di antara yang ditulis dengan yang dilafazkan, walau bagaimanapun terdapat pada rasm mushaf beberapa perbezaan, di bawah ini dibawa kaedah-kaedah yang khas bagi rasm mushaf:

1. Pertama: Hazf (حذف)

- Hazf huruf alif pada beberapa kata seperti "يا" dalam "يَا أَيُّهَا النَّاسُ" dan "ها" dalam "هَآأَنْتُمْ".
- Hazf huruf "ياء" dalam kata-kata seperti "غَيْرَ بَاغِي وَلَا عَادِي" (asalnya "غَيْرَ بَاغِي وَلَا عَادِي").
- Hazf huruf "واو" dalam kata-kata seperti "لَا يَسْتَوُونَ" menjadi "لَا يَسْتَوُونَ" apabila bertemu dua wau dalam satu kalimah.

2. Az-Ziyadah (Penambahan):

- Terdapat penambahan alif pada beberapa tempat, seperti selepas "wau" di akhir setiap isim jami' pada hukum jamak seperti: أُولَئِكَ
- Penambahan "ya" juga berlaku pada beberapa kalimah seperti: نَبَايَ الْمُرْسَلِينَ

3. Hamzah:

- Hamzah berbaris sukun ditulis mengikut baris huruf sebelumnya, seperti أَلْبَاسًا, tetapi jika berbaris dan berada di awal atau bersambung dengan huruf tambahan, ditulis di atas rasm alif.
- Hamzah di akhir perkataan juga ditulis sebelumnya seperti mengikut baris huruf sebelumnya seperti: وَلَوْ لَوْ, شَطِي

4. Badl (Ganti):

- Huruf alif dapat diganti dengan wau untuk memberi makna yang lebih besar pada sesuatu perkataan seperti: الزُّكُوةَ, الصَّلَاةَ
- Mengikut kaedah asal huruf "ta" pada ism dan sifat ditulis dengan ta' marbutah seperti "الرحمة" tetapi terdapat 7 tempat iaitu ayat 218 surah al-Baqarah, ayat 56

surah al-'Araf, ayat 73 surah Hud, ayat 2 surah Maryam, ayat 50 surah al-Rum, ayat 32 surah az-Zukhruf (di awal ayat dan akhirnya) ditulis "الرحمت" kerana memberi maksud perbuatan atau kesan yang nyata.

5. Al-Faslu Wa Al-Waslu:

- Terdapat lafaz yang kadang-kadang ditulis bersambung dan kadang-kadang tidak, bergantung pada tempatnya dalam ayat.
- Contohnya, "ألا" ditulis bersambung kecuali pada beberapa tempat seperti di dalam surah Hud أَنْ لَا تَعْبُدُوا.
- Lafaz "إنما" ditulis dengan bersambung melainkan pada firman Allah إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَآتٍ

6. Kalimah yang Memiliki Dua Qira'at Tetapi Ditulis dengan Satu Rasm Saja:

- Terdapat kalimah-kalimah yang boleh dibaca dengan dua qiraat tetapi ditulis dengan satu rasm sahaja.
- Contohnya, kalimah-kalimah yang ditulis tanpa alif tetapi dibaca dengan mengithbatkan alif seperti مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ, مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
- Terdapat juga kalimah-kalimah yang ditulis dengan "sad" tetapi dibaca dengan "sad" seperti وَيَبْصُرُ atau "sin" seperti وَيَبْصُرُ.

2. Hukum menulis Al-Quran dengan Rasm Uthmani

- ❖ Penulisan ayat-ayat Al Quran dengan Rasm Uthmani ada dibincangkan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa oleh Negeri Sembilan. Berikut adalah keputusan yang diputuskan:
1. Setiap Orang Islam wajib mempelajari al-Quran dalam Bahasa Arab Rasm Uthmani.
 2. Haram ditulis atau digunakan mana-mana bahagian daripada ayat al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan tulisan al-Quran kecuali: Penulisan akademik (petikan/frasa) yang menggunakan tanda transliterasi al-Quran yang betul serta mengikut kaedah yang standard.
 3. Untuk tujuan menarik orang membaca al-Quran dan tujuan pembelajaran (القرآن) dalam jangkamasa sementara. Teks/nas al-Quran hendaklah dilampirkan.
 4. Haram menerbit dan menjual tafsir dan terjemahan al-Quran tanpa disertakan teks asal.

* Sumber: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 07/2016-1437H yang bersidang pada 25 Ogos 2016 bersamaan 22 Zulkaedah 1437H .

3. Penulisan Baris Bagi Huruf-Huruf Al-Quran

- Baris ialah suatu alamat yang menunjukkan kepada perbezaan bacaan sesuatu huruf "sama ada dibaca dengan baris atas, depan, bawah atau mati."
- Penulisan huruf-huruf al-Quran awalnya tidak menggunakan baris dan titik kerana orang Arab pada zaman awal Islam mampu membacanya dengan kecekapan bahasa yang dimiliki.
- Seiring dengan penyebaran Islam dan perubahan dalam kecekapan bahasa orang Arab dan bukan Arab, muncul keperluan untuk memudahkan pembacaan al-Quran.
- Zaid bin Muawiyah, gabenor di Basrah meminta kepada Abu al-Aswad al-Dawli untuk mencipta tanda-tanda untuk huruf al-Quran agar pembacaan dapat difahami dengan lebih baik.
- Abu al-Aswad mencipta baris-baris dengan menempatkan titik di atas, di bawah, atau di antara huruf untuk menandakan perbezaan bacaan.
- Tanda-tanda ini kemudiannya diperbaiki dan diperluaskan, dan akhirnya mencapai bentuk yang digunakan pada masa kini, yang dikatakan diciptakan oleh al-Khalil bin Ahmad.

4. Penulisan Titik Bagi Huruf-Huruf Al-Quran

- Pada permulaan Islam, huruf-huruf dalam mushaf al-Quran tidak disertakan titik. Pembacaan al-Quran bergantung kepada guru-guru dan pemahaman qiraat yang sahih.
- Dengan perkembangan Islam, keperluan akan titik-titik pada huruf-huruf al-Quran menjadi jelas bagi mengelakkan kesilapan dalam pembacaan al-Quran.
- Abdul Malik bin Marwan mengarahkan al-Hajaj untuk menangani perkara ini.
- Al-Hajaj memilih Nasir bin 'Asim al-Lithi dan Yahya bin Ya'mar al-'Adwani, yang mahir dalam bahasa, untuk mencipta titik-titik pada huruf-huruf al-Quran.
- Titik-titik ini dicipta untuk memudahkan pemahaman dan pembacaan al-Quran.
- Abdul Malik bin Marwan merupakan yang pertama memerintahkan secara rasmi penciptaan titik-titik ini dan penyebarannya kepada umum.

RUJUKAN

1. Dr. Mohamad Zawawi Abdullah. Ulum al-Quran Satu Pengenalan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
2. Syaikh Manna' Al- Qaththan. Pengantar Studi Ilmu al-Quran. Pustaka al-Kautsar
3. Abu Mardhiyyah. Tajwid al-Quran Qiraat 'Ashim Riwayat Hafsh Toriq al-Syatibi. Al- Jenderaki Enterprise.